

**Pharmaniaga Propranolol  
Tablet 40 mg  
(Propranolol hydrochloride  
40 mg)**

**Kandungan risalah ini**

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Propranolol Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Propranolol Tablet berfungsi
3. Sebelum pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet
5. Semasa pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Propranolol Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran
11. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan Pharmaniaga Propranolol Tablet**

Pharmaniaga Propranolol Tablet digunakan untuk merawat atau mencegah sebilangan keadaan, kebanyakannya berkaitan dengan jantung.

- Untuk mengurangkan tekanan darah tinggi yang juga dipanggil hipertensi.
- Untuk mencegah angina.

- Untuk merawat atau mencegah serangan penyakit jantung atau mengurangkan risiko anda mengalami masalah jantung yang diikuti dengan serangan penyakit jantung.
- Untuk merawat ketakteraturan denyut jantung, termasuk yang disebabkan oleh rasa gemuruh.
- Geletar tak terkawal (kepala, dagu, tangan menggeletar)
- Feokromositoma.
- Fallot's Trilogy.
- Untuk mencegah sakit kepala migrain.

**Bagaimana Pharmaniaga Propranolol Tablet berfungsi**

Pharmaniaga Propranolol Tablet berfungsi dengan cara memberi kesan kepada tindak balas badan terhadap beberapa dedenyut saraf, terutamanya dalam jantung. Akibatnya, ia mengurangkan keperluan darah dan oksigen oleh jantung, dengan itu mengurangkan beban tugas yang perlu dilakukan oleh jantung.

Ia juga memperluas salur darah dalam badan, serta membantu jantung berdenyut dengan lebih tetap.

**Sebelum pengambilan Pharmaniaga Propranolol**

**Bila tidak boleh mengambil**

Jangan ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet sekiranya anda mengalami alahan kepada:

- Propranolol.
- Sebarang ramuan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Sebarang ubat lain yang serupa seperti penyekat beta. Antara gejala tindak balas alahan ialah:
- Sesak nafas.
- Bunyi nafas berdehit atau sukar bernafas.
- Denyutan jantung yang pantas (rasa berdebar-debar).
- Terlalu lemah atau sesak nafas apabila melakukan senaman ringan.

Jangan ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet sekiranya anda mengalami penyakit lelah atau masalah pernafasan yang serius.

Pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh memburukkan lagi keadaan ini.

Jangan ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet jika anda mengalami penyakit jantung lain yang tertentu, contohnya kegagalan jantung, tekanan darah rendah, masalah peredaran darah, angina Prinzmetal, atau denyut jantung yang perlahan. Pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh memburukkan lagi keadaan ini. Jangan ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet jika anda

mengalami paras gula darah yang rendah.

Pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh memburukkan lagi keadaan ini.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda hamil atau menyusukan anak. Tanya kepada doktor anda mengenai risiko dan faedah penglibatan anda.

Ubat ini boleh memberi kesan kepada bayi anda jika mengambilnya pada bila-bila masa semasa kehamilan anda.

Bayi anda boleh mendapat Propranolol daripada susu ibu sekiranya anda menyusukan bayi.

Jangan gunakan ubat selepas tarikh luput (tamat tempoh) yang dicetak pada bungkusan atau sekiranya bungkusan terkoyak atau terdapat tanda-tanda dibuka. Sekiranya ubat ini telah tamat tempoh atau rosak, kembalikannya kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, rujuk kepada doktor anda.

Jangan ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet dan maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- Mengalami alahan (hipersensitif) kepada Propranolol, penyekat beta yang lain atau

sebarang ramuan lain yang terkandung dalam Pharmaniaga Propranolol Tablet.

- Menghidap konduksi jantung atau masalah ritma denyutan jantung.
- Mengalami kegagalan jantung yang serius atau tidak terkawal.
- Mengalami kejutan yang berpunca daripada masalah jantung.
- Mengalami salur darah tersumbat, termasuk masalah peredaran darah (yang boleh menyebabkan jari tangan dan jari kaki anda berdenyut-denyut atau berubah menjadi pucat atau kebiruan).

#### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda mengalami alahan kepada sebarang ubat, makanan, bahan awet atau pewarna yang lain. Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami sebarang keadaan perubatan yang berikut:

- Penyakit lelah atau masalah pernafasan yang serius.
- Masalah jantung.
- Tekanan darah rendah.
- Masalah peredaran darah.
- Kencing manis atau gula darah rendah.
- Kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- Masalah hati.
- Masalah buah pinggang.

Pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet mungkin boleh membahayakan anda sekiranya anda mengalami sebarang keadaan ini.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda berpuasa atau telah berpuasa baru-baru ini.

Beritahu doktor anda sebelum anda mula mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet.

#### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat yang lain, termasuklah ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh menjelaskan satu sama lain. Ini termasuk:

- Penyekat saluran kalsium – ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.
- Digoxin - ubat yang digunakan untuk merawat kegagalan jantung.
- Ubat untuk migrain.
- Ubat untuk kencing manis.
- Warfarin – ubat yang dapat menghentikan pembekuan darah.
- Theophylline - ubat yang digunakan untuk merawat lelah.
- Rifampicin - ubat yang digunakan untuk merawat batuk kering.

- Ibuprofen, indomethacin – ubat yang digunakan untuk merawat sakit dan keradangan.
- Cimetidine - ubat yang digunakan untuk merawat batuk ulcer.
- Chlorpromazine - ubat yang digunakan untuk merawat penyakit psikotik.
- Rizatriptan - ubat yang digunakan untuk merawat sakit kepala migrain.

Ubat ini boleh menjaskan cara Pharmaniaga Propranolol Tablet berfungsi atau mungkin terjejas oleh Pharmaniaga Propranolol Tablet. Anda mungkin perlu menggunakan amaun ubat yang berbeza, atau mengambil jenis ubat yang berbeza. Doktor anda akan memaklumkan kepada anda. Doktor anda atau ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut berkaitan ubat yang perlu diawasi atau dilakukan sewaktu pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet.

### **Cara pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet**

#### **Berapa banyak perlu diambil**

Dalam kebanyakan keadaan, terapi dengan Pharmaniaga Propranolol Tablet harus bermula dengan dos yang kecil seterusnya beransur-ansur meningkat jika

perlu mengikut keadaan individu pesakit.

#### **Dos biasa:**

#### **Dewasa:**

20 mg hingga 40 mg, tiga atau empat kali sehari. Dos boleh dinaikkan sehingga 400 mg setiap hari dalam dos yang dibahagikan bergantung kepada keadaan.

#### **Dalam Pheochromocytoma:**

Sebelum pembedahan: 60 mg setiap hari selama tiga hari.

Dos rawatan: 30 mg setiap hari.

#### **Keadaan lain**

Doktor anda akan memberitahu anda mengenai dos yang perlu diambil. Doktor anda mungkin mengarahkan anda mengambil amaun Pharmaniaga Propranolol Tablet yang berbeza daripada amaun yang dinyatakan dalam risalah ini.

Iikut arahan doktor anda dengan teliti.

#### **Bila perlu diambil**

Ambil Pharmaniaga Propranolol Tablet pada waktu yang sama setiap hari. Pharmaniaga Propranolol Tablet perlu diambil semasa makan atau sejurus selepas makan. Tablet boleh dibahagikan kepada dua jika diarahkan sedemikian oleh doktor anda. Separuh tablet perlu ditelan seluruhnya, tanpa dikunyah atau dipecahkan. Sekiranya tablet dikunyah atau dipecahkan, ini boleh

menyebabkan ubat diserap terlalu banyak sekali gus.

#### **Berapa lama perlu diambil**

Preskripsi boleh dikatakan sepanjang hayat. Doktor anda akan memantau keadaan anda secara tetap dan akan memberitahu anda sekiranya perubahan perlu dilakukan. Jangan hentikan pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet tanpa merujuk kepada doktor anda. Dalam beberapa kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilannya secara beransur-ansur.

#### **Jika terlupa mengambil**

Sekiranya hampir tiba waktu pengambilan dos seterusnya (dalam masa 6 jam), langkau dos yang anda terlupa ambil dan ambil dos seterusnya mengikut waktu yang ditetapkan.

Jika tidak, makan ubat sebaik sahaja anda ingat, kemudian makan seperti biasa.

#### **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Sekiranya anda terambil dos lebih daripada dos yang dipreskripsikan, hubungi jabatan kecederaan yang terdekat atau hubungi doktor anda atau ahli farmasi dengan serta-merta.

Anda mungkin berasa amat letih, mengalami kesukaran bernafas dan bergerak sekiranya anda mengambil

terlalu banyak Pharmaniaga Propranolol Tablet.

### **Semasa mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Anda harus mengingatkan doktor anda dan ahli farmasi bahawa anda mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet sebelum memulakan pengambilan sebarang ubat baru.

Beritahu kepada mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil ubat ini. Jika anda mengalami alahan yang serius terhadap makanan, ubat atau sengatan serangga, maklumkan doktor anda dengan segera.

Sekiranya anda pernah mengalami alahan, kemungkinan Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh menyebabkan tindak balas alahan menjadi lebih serius dan sukar dirawat.

Jika anda berasa pening-pening lalat, pening atau hendak pengsan, bangun dari katil atau berdiri secara perlahan-lahan.

Anda mungkin berasa pening-pening lalat atau pening apabila anda memulakan pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet. Berdiri dengan perlahan-lahan, terutamanya sewaktu anda bangun

dari katil atau kerusi, ini akan membantu badan anda menyesuaikan kedudukan dan tekanan darah. Beritahu doktor jika masalah ini menjadi lebih teruk atau berterusan.

Sekiranya anda merancang untuk menjalani pembedahan (walaupun pembedahan gigi) yang perlu diberi ubat bius am, beritahu kepada doktor atau doktor gigi anda bahawa anda mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet. Tekanan darah anda boleh turun dengan mendadak sekiranya Pharmaniaga Propranolol Tablet bertindak balas dengan ubat bius. Jika anda hamil semasa pengambilan PROPRANOLOL, maklumkan doktor anda.

Jika anda menerima rawatan untuk kencing manis, pastikan anda memeriksa paras gula darah secara tetap dan laporkan tentang sebarang perubahan kepada doktor anda.

Pharmaniaga Propranolol Tablet mungkin mengubah sebaik mana kencing manis anda dapat dikawal. Ia juga boleh menyembunyikan beberapa gejala gula darah rendah (hipoglisemia), contohnya kadar denyut jantung bertambah.

Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh menyebabkan tempoh yang diambil oleh tubuh anda untuk pulih daripada gula darah rendah lebih

lama. Dos ubat kencing manis anda, termasuk insulin, mungkin perlu diubah.

Pesakit bukan kencing manis:

Kadangkala, Pharmaniaga Propranolol Tablet juga boleh menyebabkan gula darah rendah (hipoglisemia) dialami oleh pesakit bukan kencing manis.

Ini termasuklah bayi baru lahir, kanak-kanak bertatih, kanak-kanak, warga tua, pesakit yang terlebih ambil dos, pesakit yang menghidap penyakit hati yang kronik, pesakit yang berpuasa atau pesakit yang menjalani hemodialisis.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Pharmaniaga Propranolol Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan gunakan Pharmaniaga Propranolol Tablet untuk merawat masalah lain melainkan diarahkan oleh doktor anda.

Jangan hentikan pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet tanpa merujuk kepada doktor anda.

Doktor anda mungkin mengurangkan amaun Pharmaniaga Propranolol Tablet yang anda ambil secara beransur-ansur sebelum berhenti sepenuhnya. Ini mungkin dapat mengurangkan kemungkinan penyakit anda menjadi lebih serius.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati sewaktu memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Pharmaniaga Propranolol Tablet terhadap anda.

Pharmaniaga Propranolol Tablet boleh menyebabkan rasa pening, pening-pening lalat, keletihan atau rasa mengantuk pada sesetengah orang. Pastikan anda tahu kesan Pharmaniaga Propranolol Tablet terhadap anda sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin atau melakukan sesuatu perkara yang boleh jadi berbahaya jika anda pening atau pening-pening lalat.

Hati-hati jika meminum arak apabila anda mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet. Rasa pening atau pening-pening lalat anda mungkin bertambah serius. Arak juga boleh meningkatkan kesan Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Pakai pakaian panas semasa cuaca sejuk, terutamanya apabila anda berada di luar untuk tempoh yang lama (contohnya apabila bermain sukan musim sejuk).

Pharmaniaga Propranolol Tablet, seperti ubat penyekat beta yang lain, boleh menjadikan anda lebih sensitif kepada suhu sejuk,

terutamanya jika anda mengalami masalah peredaran darah.

Sila rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi mengenai kemungkinan ini jika pada fikiran ini perkara ini mungkin mendatangkan masalah kepada anda.

### **Kesan-sampangan**

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi secepat mungkin jika anda berasa tidak sihat apabila mengambil Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Pharmaniaga Propranolol Tablet memberikan kesan yang baik pada kebanyakan orang apabila diambil dengan betul, tetapi ubat ini mungkin memberikan kesan sampingan yang tidak diingini pada segerintir orang. Semua ubat memberikan kesan sampingan. Kadangkala kesan sampingan ini teruk, tetapi biasanya tidak. Anda memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Jangan bimbang tentang senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya langsung. Dapatkan maklumat daripada doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang kemasukan.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang perkara berikut yang merunsingkan anda:

- Rasa loya (berasa tidak sihat), muntah-muntah.
- Hilang selera makan.
- Cirit-birit, sakit perut, perut kembung.
- Tangan atau kaki berasa sejuk.
- Rasa pening, keletihan.
- Ruam, kemerahan kulit.
- Keguguran rambut.
- Berasa letih, lesu, kurang bertenaga. Kesemua ini ialah kesan sampingan ringan daripada pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda menyedari berlaku sebarang perkara yang berikut:

- Tidur terganggu, mimpi yang jelas atau mimpi ngeri.
- Konjunktivitis, mata kering.
- Angguan penglihatan.
- Sukar membuang air kecil.
- Lebam yang tidak pasti puncanya.
- Perubahan ragam, bercelaru.
- Masalah seksual.
- Hilang pendengaran.
- Denyut jantung perlahan.

Kesemua ini ialah kesan sampingan yang serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan yang segera.

Kesan sampingan yang serius jarang-jarang berlaku.

Jika berlaku sebarang perkara berikut, hentikan pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet dan maklumkan doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat.

- Terlalu lemah atau sesak nafas apabila melakukan senaman ringan.
- Bunyi nafas berdehit, sukar bernafas atau mengalami serangan penyakit lelah.
- Denyutan jantung yang pantas (rasa berdebar-debar).

Ini ialah kesan sampingan yang amat serius. Jika anda mengalaminya, anda mungkin mengalami tindak balas (alaham) yang serius daripada pengambilan Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan atau kemasukan ke hospital yang segera. Kesemua kesan sampingan ini sangat jarang berlaku. Beritahu doktor jika anda menyedari ada perkara lain yang menyebabkan anda rasa tidak sihat.

Sesetengah orang mungkin juga mengalami kesan sampingan yang tidak dinyatakan di atas.

### **Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Propranolol**

#### **Tablet**

##### **Penyimpanan**

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya. Simpan di tempat yang bersuhu bawah 25°C. Lindungi daripada pancaran cahaya.

##### **Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut**

##### **Rupa dan warna ubat**

Tablet berbentuk bulat dwicembung yang berwarna putih dengan garisan belahan pada satu bahagian dan kosong pada bahagian yang sebelah lagi.

##### **Bahan-bahan kandungan:**

Pharmaniaga Propranolol Tablet 40 mg mengandungi Propranolol hydrochloride 40 mg, Lactose monohydrate, Talcum, Cornstarch

Isopropyl alcohol, Magnesium stearate, Povidone 30

#### **Nombor MAL:**

MAL19880058A

#### **Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh:** 18 April 2012

**Pharmaniaga Propranolol  
Tablet 40 mg  
(Propranolol hydrochloride 40  
mg)**

**What is in this leaflet**

1. What Pharmaniaga Propranolol Tablet is used for
2. How Pharmaniaga Propranolol Tablet works
3. Before you take Pharmaniaga Propranolol Tablet
4. How to take Pharmaniaga Propranolol Tablet
5. While you are taking Pharmaniaga Propranolol Tablet
6. Side effects
7. Storage and Disposal of Pharmaniaga Propranolol Tablet
8. Product Description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorisation Holder
11. Date of Revision

**What Pharmaniaga Propranolol  
Tablet is used for**

Pharmaniaga Propranolol Tablet is used to treat or prevent a number of conditions, most of which are related to the heart.

- To lower high blood pressure, also called hypertension.
- To prevent angina.
- To treat or prevent heart attacks, or reduce your risk of heart problems following a heart attack.

**Propranolol**

- To treat irregularities in heart beat, including those caused by anxiety.
- Essential tremor (shaking of head, chin, hands).
- Phaeochromocytoma.
- Fallot's Tetralogy.
- To prevent migraine headaches.

- Wheezing or difficulty breathing.
- Fast heart beats (palpitations).
- Extreme tiredness or breathlessness on mild exercise.

Do not take Pharmaniaga Propranolol Tablet if you have asthma or severe breathing problems.

Taking Pharmaniaga Propranolol Tablet may make these conditions worse.

Do not take Pharmaniaga Propranolol Tablet if you have certain other heart problems for example heart failure, low blood pressure, problems with your circulation, Prinzmetal's angina, or a slow heart beat. Taking Pharmaniaga Propranolol Tablet may make these conditions worse.

Do not take Pharmaniaga Propranolol Tablet if you have low blood sugar levels.

Taking Pharmaniaga Propranolol Tablet may make these conditions worse.

Tell your doctor if you are pregnant or breastfeeding. Ask your doctor about the risks and benefits involved.

It may affect your baby if you take it at any time during your pregnancy.

Your baby can take in Propranolol from breast milk if you are breastfeeding.

**How Pharmaniaga Propranolol  
Tablet works**

Pharmaniaga Propranolol Tablet 40 mg works by affecting the body's response to some nerve impulses, especially in the heart. As a result, it decreases the heart's need for blood and oxygen and therefore reduces the amount of work the heart has to do. It also widens the blood vessels in the body, as well as helping the heart to beat more regularly.

**Before you take Pharmaniaga  
Propranolol Tablet**

**When you must not take it**

Do not take Pharmaniaga Propranolol Tablet if you have an allergy to:

- Propranolol
- Any of the ingredient listed at the end of this leaflet
- Any other similar medicines such as beta-blockers. Some of the symptoms of an allergic reaction may include:
  - Shortness of breath.

Do not use after the use by (expiry) date printed on the pack or if the packaging is torn or shows signs of tampering.

If it has expired or is damaged, return it to your pharmacist for disposal.

If you are not sure whether you should start taking this medicine, talk to your doctor.

Do not take Pharmaniaga Propranolol Tablet and tell your doctor if you:

- Are allergic (hypersensitive) to Propranolol, other beta-blockers or any of the other ingredients in Pharmaniaga Propranolol Tablet.
- Suffer with heart conduction or rhythm problems.
- Have severe or uncontrolled heart failure.
- Are in shock caused by heart problems.
- Suffer with blocked blood vessels, including blood circulation problems (which may cause your fingers and toes to tingle or turn pale or blue).

#### Before you start to take it

Tell your doctor if you have allergies to any other medicines, food, preservatives or dyes. Tell your doctor if you have any of these medical conditions:

- Asthma or serious breathing problems.
- Heart problems.
- Low blood pressure.
- Problems with your circulation.

- Diabetes or low blood sugar.
- An overactive thyroid gland.
- Liver problems.
- Kidney problems.

It may not be safe for you to take Pharmaniaga Propranolol Tablet if you have any of these conditions.

Tell your doctor if you are fasting or have been fasting recently.

Tell your doctor before you start taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

#### Taking other medicines

Tell your doctor if you are taking any other medicines, including any that you buy without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food shop. Some medicines and Pharmaniaga Propranolol Tablet may interfere with each other. These include:

- Calcium channel blockers - medicines used to treat high blood pressure.
- Digoxin - a medicine used to treat heart failure.
- Medicines for migraine.
- Medicines for diabetes.
- Warfarin - a medicine that stops blood clots.
- Theophylline - a medicine used to treat asthma.
- Rifampicin - a medicine used to treat tuberculosis.
- Ibuprofen, Indomethacin - medicines used to treat pain and inflammation.

- Cimetidine - a medicine used to treat ulcers.
- Chlorpromazine - a medicine used to treat psychotic illnesses.
- Rizatriptan - a medicine used to treat migraine headaches.

These medicines may affect the way Pharmaniaga Propranolol Tablet works or may be affected by Pharmaniaga Propranolol Tablet. You may need to use different amounts of your medicines, or take different medicine. Your doctor will advise you.

Your doctor or pharmacist has more information on medicines to be careful with or avoid while taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

#### **How to take Pharmaniaga Propranolol Tablet**

##### How much to take

In most conditions, therapy with Pharmaniaga Propranolol Tablet should start with small doses which may be gradually increased if necessary, according to the response of individual patients.

##### **Usual dose:**

##### **Adult:**

20 mg to 40 mg, three or four times daily. Dosage may be increased up to 400 mg daily in divided doses, depending on the condition.

##### **In Phaeochromocytoma:**

Before operation: 60 mg daily for three days.

Treatment dose: 30 mg daily.

#### **Other conditions**

Your doctor will tell you what dose to take. Your doctor may tell you to take a different amount of Pharmaniaga Propranolol Tablet to the one given in this leaflet.

Follow your doctor's instructions carefully.

#### **When to take it**

Take Pharmaniaga Propranolol Tablet at the same time every day. Pharmaniaga Propranolol Tablet should be taken with food or just after a meal. The tablet can be divided in half if your doctor has told you to do so. The half tablet should be swallowed whole, without chewing or crushing. Chewing or crushing the pill could cause too much of the drug to be released at one time.

#### **How long to take it**

The prescription is almost always life-long. Your doctor would monitor your condition on regular basis and advice if a change is required. Do not stop taking Pharmaniaga Propranolol Tablet without talking to your doctor. In some cases, you may need to stop taking it gradually.

#### **If you forget to take it**

If it is almost time for your next dose (within 6 hours), skip the dose you missed and take your next dose when you are meant to.

Otherwise, take it as soon as you remember, and then go back to taking your tablets as you would normally.

#### **If you take too much (overdose)**

If you have accidentally taken more than the prescribed dose, contact your nearest casualty department or tell your doctor or pharmacist at once.

If you take too many Pharmaniaga Propranolol Tablet you will probably feel very tired, have difficulty breathing and moving around.

#### **While you are taking**

#### **Pharmaniaga Propranolol Tablet**

#### **Things you must do**

If you are about to be started on any new medicine, remind your doctor and pharmacist that you are taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Tell any doctors, dentists, and pharmacists who are treating you that you are taking this medicine. If you have a severe allergic reaction to foods, medicines or insect stings, tell your doctor immediately.

If you have a history of allergies, there is a chance that Pharmaniaga Propranolol Tablet may cause allergic reactions to be worse and harder to treat.

If you feel light-headed, dizzy or faint when getting out of bed or standing up, get up slowly.

You may feel light-headed or dizzy when you begin to take Pharmaniaga Propranolol Tablet. Standing up slowly, especially when you get up from bed or chairs, will help your body get used to the change in position and blood pressure. If this problem gets worse or continues, talk to your doctor.

If you plan to have surgery (even at the dentist) that needs a general anaesthetic, tell your doctor or dentist that you are taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Your blood pressure may drop suddenly if Pharmaniaga Propranolol Tablet interacts with the anaesthetic.

If you become pregnant while taking Pharmaniaga Propranolol Tablet, tell your doctor.

If you are being treated for diabetes, make sure you check your blood sugar level regularly and report any changes to your doctor.

Pharmaniaga Propranolol Tablet may change how well your diabetes is controlled. It may also cover up some of the symptoms of low blood sugar (hypoglycaemia) eg increased heart rate.

Pharmaniaga Propranolol Tablet may increase the time your body takes to recover from low blood

sugar. Your doses of diabetic medicines, including insulin, may need to change.

**Non-diabetic patients:**

Pharmaniaga Propranolol Tablet may also occasionally cause low blood sugar (hypoglycaemia) in non-diabetic patients.

These may include the newly born, toddlers, children, elderly, patients suffering from overdose, patients suffering from chronic liver disease, fasting patients or patients on haemodialysis.

**Things you must not do**

- Do not give Pharmaniaga Propranolol Tablet to anyone else even if they have the same condition as you.
- Do not use Pharmaniaga Propranolol Tablet to treat any other complaints unless your doctor tells you to.
- Do not stop taking Pharmaniaga Propranolol Tablet without checking with your doctor.

Your doctor may want you to gradually reduce the amount of Pharmaniaga Propranolol Tablet you are taking before stopping completely. This may help reduce the possibility of your condition getting worse.

**Things to be careful of**

Be careful driving or operating machinery until you know how

Pharmaniaga Propranolol Tablet affects you.

Pharmaniaga Propranolol Tablet may cause dizziness, light-headedness, tiredness, or drowsiness in some people. Make sure you know how you react to Pharmaniaga Propranolol Tablet before you drive a car, operate machinery, or do anything else that could be dangerous if you are dizzy or light-headed.

Be careful drinking alcohol while you are taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Dizziness or light-headedness may be worse. Alcohol can also increase the effects of Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Dress warmly during cold weather, especially if you will be outside for a long time (for example when playing winter sports).

Pharmaniaga Propranolol Tablet, like other beta-blocker medicines, may make you more sensitive to cold temperatures, especially if you have circulation problems.

Please talk to your doctor or pharmacist about these possibilities if you think they may bother you.

**Side effects**

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking Pharmaniaga Propranolol Tablet.

All medicines can have side effects.

Sometimes they are serious, most of the time they are not. You may need medical treatment if you get some of the side effects.

Do not be alarmed by the following lists of side effects. You may not experience any of them. Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.

Tell your doctor if you notice any of the following and they worry you:

- Nausea (feeling sick), vomiting.
- Loss of appetite.
- Diarrhoea, stomach pain, flatulence.
- Cold hands or feet.
- Dizziness, tiredness.
- Rash, flushing.
- Hair loss.
- Feeling tired, lethargic, lack of energy. These are all mild side effects of Pharmaniaga Propranolol Tablet.

Tell your doctor immediately if you notice any of the following:

- Disturbed sleep, vivid dreams or nightmares.
- Conjunctivitis, dry eyes.
- Visual disturbances.
- Trouble passing urine.
- Unexplained bruising.
- Mood changes, confusion
- Sexual problems.
- Loss of hearing.
- Low heart beats.

These are all serious side effects. You may need urgent medical attention.

Serious side effects are rare.

If any of the following happen, stop taking Pharmaniaga Propranolol Tablet and tell your doctor immediately or go to Accident and Emergency at your nearest hospital.

- Extreme tiredness or breathlessness on mild exercise.
- Wheezing, difficulty breathing or an asthma attack.
- Fast heart beats (palpitations).

These are very serious side effects. If you have them, you may have had a serious (allergic) reaction to Pharmaniaga Propranolol Tablet. You may need urgent medical attention or hospitalisation. All of these side effects are very rare.

Tell your doctor if you notice anything else that is making you feel unwell.

Other side effects not listed above may also occur in some people.

#### **Storage and Disposal of Pharmaniaga Propranolol Tablet**

##### **Storage**

Keep all medicines out of the sight and reach of children.

Do not take this medicine after the expiry date stamped on the pack.

Store below 25°C. Protect from light.

##### **Disposal**

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste.

Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

**Date:** 18<sup>th</sup> Apr 2012

#### **Product Description**

##### **What it looks like**

White, round, biconvex tablet with a scoreline on one side and plain on the other.

##### **Ingredients:**

Pharmaniaga Propranolol Tablet 40 mg contains Propranolol hydrochloride 40 mg, Lactose monohydrate, Talcum, Cornstarch Isopropyl alcohol, Magnesium stearate, Povidone 30

##### **MAL NO:**

MAL19880058A

#### **Manufacturer:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Marketing Authorisation Holder:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.